



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

#### MALAYSIA BUKTI KEUPAYAAN DALAM BIDANG TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI DI PERSADA ANTARABANGSA

---

**PUTRAJAYA, 20 JUN 2024** – Malaysia membuktikan keupayaan dan kredibilitinya dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi di persada antarabangsa melalui pengesahan status sebagai Penandatangan Penuh Seoul Accord. Pada Mesyuarat Agung Tahunan Seoul Accord yang berlangsung di India baru-baru ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) telah diumumkan sebagai Penandatangan Penuh Seoul Accord.

Seoul Accord merupakan perjanjian pelbagai hala antara badan-badan yang bertanggungjawab memberikan akreditasi kepada program peringkat ijazah dalam bidang pengkomputeran dan teknologi maklumat di peringkat akademik. Pada masa ini, Australia, Kanada, Taiwan, Hong Kong, Jepun, Korea, Mexico, United Kingdom dan Amerika Syarikat merupakan negara penandatangan penuh Seoul Accord.

Selaras dengan landskap pelaburan digital negara yang memperlihatkan prestasi yang amat memberangsangkan, ekonomi digital di Malaysia yang menyumbang sebanyak 23.2 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2021, diunjurkan meningkat kepada 25.5 peratus menjelang 2025. Antara pelaburan digital yang diluluskan adalah dalam sektor pusat data, pengkomputeran awan, pengehosan data, analisis data besar, dan kecerdasan buatan yang dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada 36,553 rakyat tempatan. Ia disokong dengan kehadiran syarikat gergasi teknologi seperti Google yang akan melabur AS\$2 bilion (RM9.4 bilion) di Malaysia, merangkumi pembangunan pusat data pertama Google di Malaysia dan Wilayah Awan Google yang akan memperkuuh literasi kecerdasan buatan (AI) tempatan.

Pengiktirafan Seoul Accord dijangka akan membantu meningkatkan keyakinan pelabur khususnya dalam bidang teknologi tinggi bagi meluaskan operasi mereka di Malaysia kerana bakat-bakat tempatan yang kini diiktiraf adalah setaraf serta memenuhi standard antarabangsa.

Dalam usaha mencapai pengiktirafan ini, MBOT telah bekerja keras sepanjang tempoh lima tahun bermula pada tahun 2019 sebagai penandatangan sementara Seoul Accord sehinggalah menjadi penandatangan penuh pada hari ini. Dalam proses tersebut, MBOT telah dibimbing oleh Australia Computer Society (ACS), Australia, yang berperanan sebagai mentor.

Proses untuk mendapatkan pengiktirafan sebagai penandatangan penuh melibatkan pelbagai sesi penilaian. Antara yang telah dijalankan adalah lawatan audit ke Universiti Teknologi MARA Shah Alam bagi program Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian) dan Multimedia University bagi program Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian) dan Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kepujian) Sistem Maklumat. MBOT telah menerima maklum balas positif daripada panel penilai, terutamanya berkenaan kesetaraan standard akreditasi MBOT dengan Seoul Accord. Panel yang terlibat adalah daripada Accreditation Board for Engineering and Technology (ABET), Institute of Engineering Education Taiwan (IEET), dan British Computer Society (BCS).

Melalui status sebagai Penandatangan Penuh Seoul Accord, program sarjana muda khususnya dalam tiga (3) bidang yang diakreditasi oleh MBOT iaitu Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Teknologi Keselamatan Siber serta Teknologi Senireka dan Multimedia Kreatif adalah setaraf dengan standard antarabangsa yang ditetapkan oleh Seoul Accord.

Oleh itu, bagi membolehkan para graduan tempatan mendapat pengiktirafan antarabangsa, semua institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan program sarjana muda dalam bidang berkenaan perlu mendapatkan akreditasi daripada MBOT. Ini sekaligus meningkatkan prospek dan kerjaya para graduan di peringkat global.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**20 JUN 2024**



## **MBOT Delegates to Seoul Accord Annual General Meeting held on 15-16 June 2024 in India**

### **LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA (MBOT)**

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan sebuah badan profesional yang memberikan pengiktirafan profesional kepada Teknologis dan Juruteknik dalam bidang teknologi dan teknikal. MBOT telah ditubuhkan di bawah Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [Akta 768] untuk mengiktiraf, mengawal, menggalak dan membangunkan profesi teknologis dan juruteknik sebagai profesi ikhtisas.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)  
t.nabila@mbot.org.my  
+603-8800 6268/+6017-798 2604